



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 18/2023**

**KEBERSIHAN MENURUT KACA MATA ISLAM**

**5 Mei 2023**

*Bersamaan*

**14 Syawal 1444**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ أُمَّةَ الْإِسْلَامِ أُمَّةً وَسْطًا، وَأَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتُوبُوا إِلَيْهِ.

**Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,**

Hendaklah kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT, dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Sesungguhnya orang yang paling baik di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa. Semoga kita berjaya dan beroleh keberkatan daripada Allah di dunia dan di akhirat.

Mimbar Jumaat pada hari ini, mengajak kita supaya merenung betapa pentingnya menjaga kebersihan dengan tajuk:

**“Kebersihan menurut kaca mata Islam”**

Kebersihan merupakan amalan yang perlu dilaksanakan dalam kehidupan seharian, sama ada kebersihan jasmani ataupun kebersihan rohani. Kedua-dua perkara ini tidak boleh dipisahkan sekiranya kita ingin mendapat kejayaan dan keselesaan, kerana kebersihan melambangkan keteguhan iman seseorang kepada Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda:

الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ

**Maksudnya:** “Bersuci itu separuh daripada iman”.

(Hadis riwayat Muslim)

Islam menganjurkan umatnya supaya sentiasa mengamalkan kebersihan dalam semua perkara yang melibatkan diri sendiri, keluarga, masyarakat, organisasi, persekitaran dan negara. Apabila kita mengamalkan kebersihan, ia boleh mendatangkan suasana yang selesa, nyaman, tenang, kesihatan yang baik dan mencapai kesejahteraan kepada kita semua. Ketenangan dan keselesaan yang dinikmati itu sudah tentu membolehkan kita lebih ceria dan sihat dari segi fizikal dan mental.

Tidak cukup dengan hanya mengamalkan kebersihan, agama Islam juga telah mengajar kita supaya sentiasa berdoa, agar kita selalu berada dalam keadaan bersih. Umpamanya selepas wudhu, antara doa yang selalu kita baca ialah:

## اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ، وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ

**Maksudnya:** “Ya Allah, Jadikanlah aku orang yang ahli taubah dan jadikanlah aku orang yang menyucikan diri”.

Sebagai hamba Allah, kita hendaklah mengabdikan diri kepadaNya dengan membersihkan diri daripada mensyirikkan Allah, dari kekufuran dan segala perkara yang boleh membawa kepada bahaya dan dosa. Setiap amalan baik dan bersih dari segi rohani ataupun jasmani disukai Allah, kerana Allah sentiasa menyukai hambaNya yang sentiasa mensucikan diri. Firman Allah di dalam surah al-Baqarah ayat 222:

..... إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubah, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa menyucikan diri”.

Para ulama' kita juga telah memberikan perhatian yang penting tentang kebersihan apabila memulakan perbincangan hukum feqah dengan bab al-Toharoh (Bersuci). Ini membuktikan bahawa agama Islam, para nabi dan para ulama telah mengambil berbagai inisiatif untuk memberikan kefahaman bahawa menjaga dan mengamalkan kebersihan adalah penting dan sangat dituntut oleh agama kita yang suci.

Sungguhpun begitu, masih ada daripada kalangan umat Islam tidak benar-benar menghayati tuntutan menjaga kebersihan. Sama ada kebersihan diri sendiri atau kebersihan luaran. Tanggungjawab berkenaan selalunya diserahkan kepada pihak lain. Sedangkan Islam telah meletakkan menjaga kebersihan merupakan tanggungjawab bersama yang patut diamalkan oleh setiap orang Islam yang beriman. Tidak keterlaluan sekiranya kita menyatakan bahawa masyarakat di sesetengah negara bukan Islam telah berjaya menjaga aspek kebersihan berbanding umat Islam di negara kita. Masyarakat dan negara mereka lebih bersih daripada negara umat Islam sendiri.

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Islam sangat menggalakkan umatnya membersihkan diri. Misalnya, sebelum seseorang hendak mendirikan solat, hendaklah terlebih dahulu memastikan diri, pakaian dan tempat solatnya bersih dan terhindar dari segala najis. Sekiranya soal kebersihan tersebut diabaikan, sudah tentulah solatnya tidak sempurna ataupun tidak sah.

Kita juga hendaklah peka dan bertanggungjawab untuk menjadikan masjid, surau atau musolla sentiasa dalam keadaan bersih. Begitu juga dengan segala kemudahan yang disediakan seperti tandas atau bilik air dan lain-lain hendaklah dijaga supaya sentiasa dalam keadaan baik, kelihatan bersih dan tidak pula dirosakkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Oleh kerana masjid atau surau merupakan tempat untuk mendirikan sembahyang, maka

perlu dijaga dan tidak dicemari dengan bau busuk sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Bahawasanya masjid ini tidak boleh dicemari oleh najis dan kekotoran, kerana ia adalah tempat untuk berzikir kepada Allah SWT dan membaca al-Quran”

(Hadith riwayat Muslim)

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Lambang kebersihan seseorang selain daripada diri dan pakaiannya, juga dilihat dari keadaan persekitaran kediamannya. Jika halaman rumahnya tidak terurus dan kotor, ia menggambarkan bahawa penghuninya juga di kalangan orang yang tidak bersih. Mengabaikan amalan kebersihan akan menyebabkan mudahnya tersebar pelbagai penyakit seperti cirit-birit, denggi, keracunan makanan, penyakit kulit dan sebagainya. Seterusnya menyumbang kepada suasana alam sekitar yang tidak sihat.

Amalan kebersihan hendaklah juga dijadikan sebagai budaya dalam kehidupan kita termasuklah di tempat-tempat awam seperti taman rekreasi, taman permainan, jalan raya, perhentian bas, pusat membeli belah, pasar, tempat makan seperti restoran dan sebagainya.

Kita juga digalakkan untuk menjaga kebersihan alam sekitar, sungai dan laut dari pencemaran dan kemusnahan. Berusahalah menjadikan alam sekitar berada dalam keadaan bersih sepanjang masa, di samping mengekalkan keindahan alam semula jadi di negeri kita. Kita telah dikurniakan Allah, sungai yang jernih dan pantai yang memutih indah. Alangkah malang, jika ia dicemari oleh sampah sarap, ekor an sipap tak bertanggungjawab kalangan masyarakat kita.

## Sidang Jumaat yang dirahmati,

Suatu amalan yang menjadi kebanggaan masyarakat kita ketika dahulu dan jarang-jarang dilakukan ketika ini, malah sudah semakin terhapus adalah semangat gotong-royong. Alangkah baiknya dihidupkan kembali aktiviti ini di mana-mana. Sama-sama kita bergotong-royong membersihkan persekitaran rumah, tempat ibadah, tanah perkuburan, tempat riadah, bahu-bahu jalan dan juga tempat-tempat awam yang lain. Jangan semata-mata mengharap pihak berkuasa tempatan atau pekerja-pekerja terlibat sahaja melakukannya. Kita juga dapat memainkan peranan dan bekerjasama menjalankan amalan yang murni ini.

Selain dari itu, amalan ini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama kita dan masyarakat amnya. Ini bertepatan dengan ruh Islam seperti firman Allah SWT di dalam surah al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ

إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

**Maksudnya:**“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwa lah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah amat berat azab seksanya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)”.

Kita selaku orang Islam yang beriman, hendaklah bekerjasama dan memainkan peranan menyumbang ke arah menjaga kebersihan. Kalaupun kita tidak mampu memberi sumbangan yang baik, janganlah pula kita menjadi orang yang pengotor dan perosak kepada harta awam yang sedia ada.

Marilah, mulai hari ini kita berazam untuk menjadikan kita, orang Islam yang mengamalkan kebersihan. Untuk itu, perkara-perkara berikut perlulah kita hayati bersama:

**Pertama:** Kita hendaklah mempertingkatkan kesedaran untuk mengamalkan kebersihan diri, tempat tinggal, tempat beribadah, tempat kerja dan seluruh tempat awam sebagai cermin kemurnian ajaran Islam yang mengutamakan kebersihan dalam semua bidang kehidupan.

**Kedua:** Setiap individu dari semua kalangan, sama-sama memikul tanggungjawab dan menanam sikap cintakan kebersihan secara berterusan dengan melaksanakan amalan ini pada setiap masa, bagi menghindari berlakunya kekotoran di merata-rata tempat.

**Ketiga:** Kita sama-sama mendisiplinkan diri bagi menjaga imej Islam yang sukakan kebersihan, dengan menjaga persekitaran yang sejahtera dan selesa.

**Keempat:** Mempertingkatkan amalan tegur-menegur dan nasihat-menasihati sesama kita dalam hal menjaga kebersihan. Dengan demikian, ia akan melahirkan perasaan cinta kepada kebersihan dan bencikan kekotoran.

**Kelima:** Menggunakan kemudahan yang disediakan dengan sebaik mungkin, seperti tong sampah, tong kitar semula dan tempat pembuangan sampah, tanpa membiarkan sampah sarap dan kekotoran bertaburan di merata-rata.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمْنًا وَاتَّخِذُوا مِن مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى وَعَهِدْنَا  
إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَن طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْعَاكِفِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ



**Maksudnya:** “Dan (ingatlah) Ketika kami jadikan rumah suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk ibadah haji) dan tempat yang aman, dan jadikanlah oleh kamu maqam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): Bersihkanlah rumahku (Kaabah dan Masjid al-Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, dan orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya), dan orang-orang yang rukuk dan sujud”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
وَالصَّائِمِينَ وَالصَّائِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ،  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dikasihi.**

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.  
اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفِيَّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.  
وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.  
اللَّهُمَّ احْفَظْ وِلْيَ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim

Perbaikilah hubungan antara kami, pertautkanlah hati-hati kami dengan penuh kasih sayang, limpahkanlah dalam kehidupan keluarga kami sakinah, mawaddah dan rahmah. Hidupkanlah semangat bekerjasama dan bersatu padu dalam kejiranan dan qaryah kami.

Kurniakanlah kepada para belia dan remaja kami jiwa yang mantap, iman yang teguh, ilmu yang bermanfaat agar mereka menjadi generasi al-Qowiyul al-Amin, generasi yang hebat lagi amanah. Jauhkanlah mereka daripada perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Ya Allah,

Tunjukkanlah kami jalan-jalan kebaikan dan kesejahteraan, selamatkan kami daripada kegelapan kufur menuju kepada sinar iman, peliharalah akidah kami berpandukan akidah ahli sunnah wal jamaah. Janganlah Engkau pesongkan hati kami daripada kebenaran. Akhiri hayat kami dalam keadaan Islam dan Iman.

Ya Allah,

Jadikanlah negeri Terengganu, negeri yang aman dan damai. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Jaukanlah negeri kami ini dan negara umat Islam seluruhnya daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaanMu. Amin Ya Rabbal alamin.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ .  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .  
□ قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ .